	H3b – mengelakkan rakyat mengalami kekurangan bekalan makanan	1
	F4 – Memastikan bekalan barang/perkhidmatan keperluan asas mencukupi	1
	H4a – Kerajaan negeri akan memastikan barang keperluan cukup	1
	C3 – Beras, tepung, minyak	1
	H4b – Syarikat berkaitan barang keperluan asas tidak menutup operasi	1
	F5 – Mengawal harga barang keperluan asas	1
	H5a – Pihak agensi negeri akan memastikan harga tidak dinaikkan sesuka hati oleh pihak pengeluar	1
	H5b – untuk mengelakkan penindasan kepada rakyat/penyeludupan/penyorokan barang keperluan	1
		[6M]

Soalan 20

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
20	H1 – Modal	1
	H2 – Alat ciptaan manusia yang digunakan untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan	1
	H3 – Contoh modal ialah bangunan, kilang, jentera, peralatan, mesin	1
	H4 – Peralatan dan mesin mempunyai mobiliti geografi yang tinggi	1
	H4a – boleh dipindahkan dari satu tempat ke tempat yang lain	1
	H5 – Bangunan dan kilang memiliki mobiliti yang rendah	1
	H5a – sukar dipindahkan ke tempat lain dengan mudah.	1
		[5M]

SKEMA PEMARKAHAN 1.4 SOALAN BAHAGIAN B**SOALAN 1**

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH	
1 (a)	F1 – Isi rumah	1	
	H1a – Seorang individu, sebuah keluarga, atau sekumpulan individu yang tinggal bersama	1	
	H1b – berfungsi sebagai satu unit ekonomi	1	
	H1c – Motif memaksimumkan kepuasan	1	
	F2 – Buruh	1	
	H2a – Individu yang memberikan sumbangan tenaga fizikal atau mental dalam proses pengeluaran	1	
	H2b – mendapat ganjaran upah	1	
	H2c – Buruh mahir	1	
	H2c(i) – tenaga buruh berpendidikan tinggi/memiliki kemahiran professional tertentu.	1	
	C2c – Pengurus hotel, juruakaun, juruaudit, setiausaha dll	1	
	H2d – Buruh tidak mahir	1	
	H2d (i) – Tenaga buruh yang berpendidikan rendah/tidak memiliki kemahiran professional tertentu.	1	
	C2d – Tukang pembersihan dll	1	
	H3 – mempunyai mobiliti pekerjaan/geografi yang tinggi	[4M]	
	1 (b)	F1 – Masalah kekurangan	1
		H1a – Kekurangan faktor pengeluaran	1
H1b – seperti modal		1	
H1c – berbanding kehendak firma yang tidak terhad/kos operasi yang tinggi		1	
C1 – Majikan seperti pemilik/pengusaha hotel tidak mampu menanggung kos pengeluaran kerana kekurangan modal.		1	
F2 – Masalah pilihan		1	
H2a – Majikan terpaksa membuat pilihan sama ada mengurangkan pekerjaanya atau menanggung kos yang lebih tinggi/kerugian.		1	
H2b – Majikan memilih untuk memberhentikan pekerja/cuti tanpa gaji/pemotongan gaji		1	
H2c – untuk meminimumkan kos pengeluaran/kerugian		1	
F3 – Masalah kos lepas		1	
H3a – Majikan terpaksa melepaskan/memberhentikan sebahagian pekerja bagi meneruskan operasi hotel sedia ada.		1	
H3b – Kos lepas ialah output/perkhidmatan kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan untuk mendapatkan yang terbaik.		1	
		[7M]	

1 (c)	***RUJUK SKEMA RUBRIK PEMARKAHAN	
-------	---	--

Antara contoh fakta/huraian/contoh yang sesuai :

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
1(c)	<ul style="list-style-type: none"> • Mencari pekerjaan lain • Contohnya bahagian perkhidmatan di sector peruncitan/kedai runcit/restoran/pemandu grab/foodpanda dll • Mendapat ganjaran upah/gaji harian • Menampung keperluan hidup • barang keperluan seperti beras, pakaian dll • Melakukan perniagaan kecil-kecilan • Membuka gerai makanan/menjual pakaian terpakai/menjual makanan/pakaian dari rumah – Mendapat untung • Dapat menampung kos sara hidup • Kos rawatan, kos persekolahan anak-anak, bil telefon dll • Membuat pelaburan • Saham Amanah Bumiputera/pelaburan emas • dengan wang pampasan yang ada/diberikan majikan • mendapat dividen/untung 	

SOALAN 2

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
2 (a)	F1 – Sistem ekonomi campuran	1
	F2 – Pemilikan faktor pengeluaran	1
	H2a- Individu dan pihak swasta bebas memiliki faktor pengeluaran	1
	H2b – tanah, modal, buruh, dan usahawan	1
	H2c – Bebas memiliki/mengubah harta persendirian berdasarkan matlamat pengeluaran	1
	H2d – Kerajaan turut memiliki faktor pengeluaran bagi mengeluarkan barang awam	1
	H2e – Kerajaan mengawal pemilikan faktor pengeluaran melalui undang-undang dan peraturan	1
	H2f – Untuk memaksimumkan kebajikan masyarakat	1
	F3 – Penentu kehendak	1
	H3a – Pengguna dan pihak swasta berhak membuat keputusan ekonomi/ penyelesai masalah asas ekonomi	1
	H3b – Pengguna menentukan corak permintaan barang/perkhidmatan	1

	H3c – Pengeluar bebas bersaing	1
	H3d – untuk memaksimumkan keuntungan/menimumkan kos pengeluaran	1
	H3e – Kerajaan akan mengeluarkan barang awam	1
	F4 – Pembuat pilihan	1
	H4a- Individu bebas memilih barangan/perkhidmatan/pekerjaan yang dikehendaki	1
	H4b – Pengeluar/pihak swasta bebas memiliki dan menggunakan faktor pengeluaran	1
	H4c – Menggunakan teknik intensif modal/buruh	1
	H4d – teknik pengeluaran yang paling cekap	1
	H4e – Kerajaan akan mengawal kebebasan individu dan pihak swasta dengan undang-undang dan peraturan	1
	H4f – Kerajaan akan memilih teknik pengeluaran yang menjaga kebajikan masyarakat/mengurangkan pengangguran	1 [5M]
2 (b)	H1 – Sistem yang menggabungkan pelbagai ciri kebaikan sistem ekonomi pasaran bebas dan sistem ekonomi perancangan pusat	1
	H2 – Pihak kerajaan dan kuasa pasaran/mekanisme harga memainkan peranan penting	1
	H3 – Peruntukan faktor pengeluaran/penyelesaian masalah asas ekonomi	1
	H4 – Supaya aktiviti ekonomi berjalan lancar/produktif	1
	H5 – Kerajaan akan campur tangan semasa ketidakstabilan ekonomi	1
	C5 – inflasi, deflasi, kegawatan ekonomi dll	1
	H6 – Mengelakkan penyelewangan dalam ekonomi	1
	C6 – Monopoli sektor swasta, penyorokan/penyeludupan barang/, harga barang tidak terkawal/terlalu tinggi	1
	H7 – Mengeluarkan barang awam bagi mengelakkan masyarakat membayar harga yang tinggi jika pihak swasta yang mengeluarkannya	1
	C7 – hospital/klinik kerajaan mengenakan caj rawatan yang rendah/percuma/minimum	1
	H8 – balai polis, balai bomba, dll	1
	H9 – Ketidakstabilan ekonomi akan dikawal melalui dasar fiska dan dasar kewangan.	1
	H10 – Jika inflasi, kerajaan akan menaikkan kadar cukai	1
	C10 – Cukai pendapatan individu/cukai pendapatan syarikat/lain-lain cukai	1
	H11 – untuk mengurangkan permintaan/kuasa beli	1

	barang/perkhidmatan	1
	H12 – Menstabilkan harga barang	1
	H13 – Jika deflasi, kerajaan akan menurunkan kadar cukai	1
	H14 – untuk meningkatkan kuasa beli/permintaan	1
	H15 – Menaikkan semula harga barangan	1
	H16 – Kerajaan juga memberikan bantuan subsidi kepada firma/pengeluar	1
	H17 – Untuk meminimumkan kos pengeluaran	1
	H18 – supaya firma dapat menambah pengeluaran barang	1
	H19 – menambah permintaan buruh	1
	H20 – peluang pekerjaan bertambah/pengangguran berkurang	1
	H21 – Kerajaan akan memberi bantuan kewangan kepada masyarakat	1
	C21 – bantuan sara hidup/bantuan prihatin	[6M]
	H22 – untuk memaksimumkan kebajikan masyarakat	
	H23 – mana-mana huraian yang munasabah	
2 (c)	***RUJUK SKEMA RUBRIK PEMARKAHAN (9 m)	

Antara contoh fakta/huraian/contoh yang sesuai :

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
2(c)	<ul style="list-style-type: none"> • Bantuan subsidi kepada majikan/firma • untuk mengurangkan/meminimumkan kos pengeluaran • meneruskan operasi/mengelakkan penutupan/pembuangan pekerja secara besar-besaran • Contoh kemudahan bantuan khas (SRF)/Pakej PRihatin PKS • inisiatif subsidi upah/Program Mengekalkan Pekerja • Memberikan upah kepada pekerja yang cuti tanpa gaji/dll • Mengawal harga barang • Kerajaan menggunakan dasar harga maksimum/dasar harga minimum • Menstabilkan harga barangan • Mengelakkan penipuan/penindasan • mengelakkan berlakunya inflasi yang tinggi • Memastikan rakyat mendapat bekalan barang keperluan pada harga yang rendah/mampu milik • mengurangkan kos sara hidup • mengurangkan penggunaan pekerja asing • Kerajaan boleh menghadkan syarikat/firma daripada menggunakan tenaga buruh asing di tempat mereka 	

	<ul style="list-style-type: none"> • Menggalakkan penggunaan buruh tempatan • Mengelakkan pengangguran/menambah peluang pekerjaan • Menambah pendapatan rakyat yang terjejas • mengurangkan beban kewangan • menampung kos persekolahan anak, kos rawatan diri dll • Memudahkan pemberian lesen berniaga/bekerja sambilan • Menggalakkan rakyat berniaga secara kecil-kecilan yang sah dari segi undang-undang • gerai burger/pakaian terpakai/dll • untuk memperoleh untung • Menurunkan cukai pendapatan individu/syarikat • Individu akan memperoleh pendapatan yang lebih • Meningkatkan kuasa beli pengguna • membeli barang dan perkhidmatan • membantu melicinkan proses perniagaan • menstabilkan ekonomi Negara • Syarikat pula dapat menggaji pekerja yang lebih • kerana kos pengeluaran menurun • boleh menambahkan pengeluaran barang/perkhidmatan • mana- mana jawapan yang munasabah 	
SOALAN 3		
3 (a)	<p>F1 – usahawan/peniaga/pemilik firma/pengeluar</p> <p>H1a – Individu yang menggabungkan/menyelaraskan faktor pengeluaran</p> <p>C1 – modal/buruh/tanah</p> <p>H1b – untuk mengeluarkan barang/perkhidmatan</p> <p>H2 – mendapat ganjaran untung/memaksimumkan untung</p> <p>H2a – tujuan lain memaksimumkan output pengeluaran</p> <p>H2b – dan meminimumkan kos pengeluaran</p> <p>H2c – bersifat kreatif/inovatif/tidak mudah berputus asa/rajin/gigih</p> <p>H2d – berani menanggung risiko</p> <p>H2e – mengeluarkan idea perniagaan</p> <p>H2f – menguruskan perniagaannya sendiri</p> <p>H3 – Memilih teknik pengeluaran yang paling cekap</p> <p>H3a – intensif modal/buruh</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[4M]</p>

3 (b)	F1 – Masalah kekurangan	1
	H1 – Kekurangan faktor pengeluaran	1
	H1a – modal/tanah/buruh	1
	H1b – melaksanakan kesemua projek secara serentak	1
	F2 – Masalah pilihan	1
	H2- memilih projek terbaik/pelaburan hartanah	1
	H2a – Memaksimumkan keuntungan/anggaran untung RM 800 juta	1
	H2b – meminimumkan kos pengeluaran	1
	H2c – pilih teknik pengeluaran yang paling cekap	1
	H2d – intensif modal/buruh	1
	F3 – Masalah kos lepas	1
	H3 – Terpaksa melepaskan pilihan/pelaburan kedua terbaik	1
	H3a – pelaburan luar negara	1
	H3b – untung kedua tertinggi/RM 790 juta	1
	[7M]	
3 (c)	***RUJUK SKEMA RUBRIK PEMARKAHAN (9 m)	

Antara contoh fakta/huraian/contoh yang sesuai :

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
3 (c)	<p>Kepentingan untung kepada perniagaan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menampung kos operasi pengeluaran • Contohnya kos tetap seperti sewa bangunan, insurans, dll • Bayaran kos berubah seperti upah buruh, bil utiliti, kos bahan mentah dll • Memastikan kelangsungan perniagaan • Untung yang tinggi akan memastikan operasi syarikat berjalan lancar tanpa sebarang gangguan • Seperti pusingan modal • Membayar hutang pinjaman/kepada pembekal • Untung akan digunakan untuk menampung kos pinjaman contoh pinjaman bank • Sebagai jaminan kepada pembekal bahan mentah • Mengembangkan perniagaan • Contoh membuka cawangan baharu/memperbesarkan operasi syarikat • Mengukur tahap prestasi syarikat • Kadar keuntungan/margin keuntungan dapat memastikan tahap prestasi syarikat • Sama ada kedudukan baik atau sederhana • Melambangkan imej perniagaan • Syarikat yang mempunyai untung tinggi mempunyai 	

	imej yang baik di mata pelabur <ul style="list-style-type: none"> • Mudah menarik pelaburan baharu/membuat pelaburan • Dapat menjalankan tanggungjawab social kepada masyarakat • Contohnya membina pondok perhentian bas, taman rekreasi • Menggunakan sebahagian keuntungan untuk kebajikan masyarakat setempat • Membantu menambahkan pendapatan Negara • Contohnya pembayaran cukai pendapatan syarikat 	
--	---	--

SOALAN 4

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
4 (a)	F1 – Sistem ekonomi Islam	1
	H1a – berlandaskan al-quran dan hadis	1
	H1b – segala keputusan dan aktiviti ekonomi berdasarkan syariat Islam.	1
	H1c – konsep pembangunan ekonomi menyeluruh meliputi fizikal (kebendaan) dan rohani.	1
	H1d – Wujud persaingan yang adil dan saksama	1
	H1e – Barang/perkhidmatan yang dikeluarkan mestilah halal.	1
	C1e – mana-mana contoh yang sesuai	1
	H1f – Tidak berlaku pembaziran sumber ekonomi	1
	H1g – Tiada penindasan ke atas individu lain	1
	H1h – Keseimbangan antara kepentingan individu dan masyarakat.	1
	H1i –Kepentingan awam lebih diutamakan berbanding kepentingan individu	1
	H1j- Prinsip kesederhanaan diutamakan dalam kehidupan	1
	H1k – mana-mana ciri lain dalam sistem ekonomi Islam	1
		[5M]
4 (b)	F1 – Menyucikan dan menjauhkan hati pemilik harta	1
	C1 – dari sifat kedekut/tamak/	1
	F2 – melahirkan individu muslim yang sanggup berkorban	1
	H2 – demi kesejahteraan orang lain	1
	F3 – Melahirkan perasaan kasih-sayang/belas-kasihan/	1
	H3 – dengan individu yang kurang bernasib baik	1
	F4 – Merapatkan jurang perbezaan antara golongan kaya dengan miskin	1
	H4 – golongan miskin akan rasa hormat dengan golongan kaya	1
H4b – Golongan kaya tidak memandang hina/rendah kepada golongan miskin	1	
		[6m]

4 (c)	***RUJUK SKEMA RUBRIK PEMARKAHAN (9 m)	
-------	---	--

Antara contoh fakta/huraian/contoh yang sesuai :

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
4 (c)	<p>Cara negara V boleh meningkatkan kutipan zakat :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Melakukan promosi besar-besaran berkaitan zakat • Kepentingan zakat dalam Islam • Contoh melalui televisyen/poster/risalah/media social • Menyediakan platform yang mudah untuk pembayaran zakat • Contoh perbankan internet/melalui telefon • Supaya pembayar zakat tidak perlu berurusan di kaunter pejabat zakat • Mudah/cepat/tidak mengganggu urusan yang lain • Tidak perlu memohon cuti untuk membayar zakat • Mewujudkan banyak kaunter bergerak pembayaran zakat • di tempat tumpuan awam • pasar/pasaraya/tempat membeli belah • bagi memudahkan yang tiada kemudahan perbankan internet • Memanjangkan masa waktu pejabat • Kaunter pembayaran boleh dibuka sehingga malam/hujung minggu • Mengelakkan beratur panjang/pembayar mempunyai masa lapang yang mencukupi 	
SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
5 (a)	<p>F1 – Keluk Kemungkinan Pengeluaran (KKP)</p> <p>H1 – Keluk yang menunjukkan had maksimum tingkat pengeluaran yang dicapai oleh syarikat</p> <p>H1b – menggunakan faktor pengeluaran yang ada</p> <p>H1c – tingkat teknologi tertentu</p> <p>C1 – modal/buruh yang dimiliki oleh syarikat</p> <p>H1d – Pemilihan barang boleh menggunakan konsep kos lepas yang semakin meningkat</p> <p>H1e – ditunjukkan oleh keluk KKP yang cembung</p> <p>H1f – kos lepas dapat ditunjukkan melalui kecerunan keluk KKP</p> <p>H1g – mengukur keupayaan maksimum dalam pengeluaran output syarikat</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[4M]</p>

5 (b)	Gambarajah/ Keluk KKP yang lengkap <ul style="list-style-type: none"> - Kuantiti - Paksi x dan y - Keluk cembung - Titik origin - Label yang tepat Huraian yang lengkap/tepat berdasarkan keluk KKP yang dilukis/dilakar.	[3M] [4M]
5 (c)	***RUJUK SKEMA RUBRIK PEMARKAHAN (9 m)	

Antara contoh fakta/huraian/contoh jawapan yang sesuai :

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
5 (c)	Cara yang sesuai untuk mengeluarkan barang di masa hadapan: <ul style="list-style-type: none"> • Mendapatkan modal yang mencukupi • Contoh pelaburan daripada luar syarikat • Pinjaman bank seperti Maybank/ BSN/Agrobank • Pinjaman kredit pembekal • Pembekal bahan mentah memberikan kredit pembekal tanpa caj yang tinggi • Bekerjasama dengan syarikat asing/lain • Syarikat boleh menyediakan rancangan perniagaan yang strategic • Untuk menarik pelabur/syarikat lain untuk bekerjasama • Mengembangkan operasi syarikat • Contoh penambahan kilang/pekerja/dll • Dapat memaksimumkan output pengeluaran/boleh mengeluarkan pelbagai jenis barang • Memodenkan teknologi yang digunakan • Contoh jentera/mesin canggih • Dapat menjimatkan masa • Menyiapkan tempahan barang dengan cepat • Mensasarkan jualan maksimum • Melantik agen-agen yang sesuai • Memastikan semua barangan dapat dijual dengan pantas • Mengeluarkan barang dengan sasaran kepada semua golongan • Contoh golongan remaja/B40/M40 dan T20 • Mengikut citarasa dan bajet golongan tersebut 	

*****RUJUK SKEMA RUBRIK PEMARKAHAN (9 m)**

Tahap	Keterangan	Markah		Catatan
Tahap 1 (Pengetahuan dan Pemahaman) [1-3m]	Pernyataan / keterangan umum Menyenaikan fakta/isi sahaja tanpa huraian Penjelasan terhad kepada konsep sahaja Menyatakan pendirian secara umum/ tiada penilaian √ A	A1 – 1m A2 – 2m A3 – 3m		
Tahap 2 (Aplikasi) [4-6m]	Fakta + huraian masih tepat / betul Keterangan yang bercampur – tepat dan kurang tepat Keterangan hanya satu sisi Rajah umum / asas / tidak lengkap Huraian rajah terhad Menyatakan pendirian √ B	B1 B2 B3	B1 – 4m B1a – 5m B1c – 6m	
Tahap 3 (Analisis / Penilaian) [7-9m]	Fakta + huraian lengkap dan mendalam Keterangan betul, tepat, sangat jelas dan mendalam Mengemukakan idea yang bernas, kreatif dan rasional Keterangan dua sisi Rajah lengkap / tepat Huraian rajah lengkap Membuat kesimpulan, rumusan/ pandangan/ pendapat, cadangan/ memberi bukti / data yang relevan Menyatakan pendirian dengan jelas Menghubung kait teori ekonomi dengan pelbagai topik / tajuk (sintesis) √ C	C1 C2 C3 C4	C1 } 7m } (2c) } C1a } C1b – 8m (3c atau lebih) C1c } 9m } C1d }	Kalau jawapan bercampur aduk antara tepat dan tidak tepat maksimum 7m walaupun jumlah C melebihi 2. Cth: C1,C1a, C2/ C1, C1a, C1c, C2/ C1, C1a, C2a, C2b... 9m jika calon diberi huraian lanjut / mendalam tentang sesuatu fakta. Cth: A1, B1, B1a, C1, C1a, C1b, C1c, C1d, C1e, C1f...

SKEMA PEMARKAHAN BAB SATU TAMAT

Pasaran

Bab Dua



2.1 PENGUKUHAN KONSEP

1. Penentu permintaan.

a _____

b _____

c _____

d _____

e _____

f _____

g _____

2. Lengkapkan jadual berikut.

Barang/ Perkhidmatan X	Barang/ Perkhidmatan Y	Harga X	Permintaan Y	Hubungan X dan Y
Kereta Honda	Kereta Toyota	Naik		
Panggilan Telefon	Telefon mudah alih	Turun		
Kerusi plastik	Kerusi Kayu		Berkurang	
Grab	Perkhidmatan Taksi			Pengganti

3. Berikan definisi penawaran

4. Apakah hubungan harga dengan kuantiti ditawarkan? _____

5. Jadual di bawah ini menunjukkan penawaran pasaran bagi suatu barang. Lengkapkan.

Harga(RM)	Firma A	Firma B	Firma C	Penawaran Pasaran
10	230	160	220	X
20	350	190	Y	1040
30	440	Z	610	1320

6. Nyatakan enam penentu bukan harga yang mempengaruhi penawaran


- a _____
- b _____
- c _____
- d _____
- e _____
- f _____

7. Jadual di bawah menunjukkan permintaan dan penawaran bagi Barang X.

Harga (RM)	Kuantiti diminta	Kuantiti ditawarkan
1	20	6
3	12	12
4	8	15
5	4	18

- a) Pada tingkat harga RM4, pasaran mengalami _____
sebanyak _____. Harga cenderung _____.
- b) Harga keseimbangan ialah _____ dan kuantiti
keseimbangan ialah _____.
- c) Pada tingkat harga RM2, kuantiti diminta ialah _____ unit dan
kuantiti ditawarkan ialah _____ unit. Pasaran mengalami
ketidakseimbangan pasaran yang dikenal sebagai
_____ sebanyak _____ unit.

8. Rajah di bawah ini menunjukkan keluk permintaan (DD) dan keluk penawaran (SS).



Terangkan keadaan pasaran pada titik yang berikut:

i. E

[3 markah]

ii. MN

[3 markah]


iii. FG

[3 markah]

9. Lengkapkan jadual di bawah ini.

Harga (RM)	Kuantiti (Unit)		Keadaan Pasaran	Kecenderungan harga
	Permintaan Pasaran (Qd)	Penawaran Pasaran (Qs)		
4	16	26		
3	20	20		
2	24	14		

10. Lengkapi Keluk Keseimbangan Pasaran.



KEANJALAN HARGA

1. Maksud keanjalan harga permintaan

_____ akibat _____

2. Lengkapi perbezaan permintaan anjal dan permintaan tak anjal

Permintaan anjal	Perbezaan	Permintaan Tak anjal
	Maksud	
	Nilai Pekali	
	Bentuk Keluk	
	Jenis barang	

3. Lengkapkan jadual di bawah ini.

% Perubahan Harga	% Perubahan Kuantiti diminta	Nilai Keanjalan Harga Permintaan	Jenis Keanjalan Permintaan
+10%	-15%		
-20%		-0.4	
	-24%	-1.6	

4. Perbezaan permintaan anjal dan permintaan tidak anjal

Permintaan Anjal	Penentu Keanjalan Permintaan	Permintaan Tidak anjal
	Jenis barang	
	Bilangan Barang Pengganti	
	Nisbah perbelanjaan dgn Pendapatan	
	Faktor jangka masa	
	Bilangan Kegunaan	
	Ketagihan	
	Ketahanan Barang	

5. Perbezaan Penentu Keanjalan Harga Penawaran

Penawaran Anjal	Aspek Perbezaan	Penawaran Tidak anjal
	Jangka masa	
	Corak Penggunaan Faktor Pengeluaran	
	Tambahan Kos	
	Mobiliti Faktor Pengeluaran	
	Bilangan Firma	
	Ketersediaan Stok	
	Jenis Barang	

6. Perbezaan Pencukaian dengan Subsidi suatu barang di pasaran

Pencukaian	Perbezaan	Subsidi
	Keluk Penawaran	
	Harga & kuantiti Keseimbangan	
	Kesan Terhadap Kerajaan	
Permintaan Anjal Pengguna- Firma-	Beban/Faedah	Permintaan Anjal Pengguna- Firma-
Permintaan Tidak anjal Pengguna- Firma-		Permintaan Tidak Anjal Pengguna- Firma-

7. Lengkapkan jadual dibawah

Jenis barang / perkhidmatan	% Δ P	% Δ Q	Ed
Pengangkutan udara	12	60	W
Akhbar dan majalah	X	20	0.4
makanan	35	Y	0.1
Menonton wayang	Z	52	3.2

i) W =

ii) X =

iii) Y =

iv) Z =

8. Jadual menunjukkan kuantiti diminta dan harga bagi tiga jenis barang

K, M & N.

Jenis Barang	Perubahan Kuantiti Diminta(%)	Perubahan Harga(%)
K	45	30
M	15	15
N	20	40

i) Hitungkan nilai keanjalan harga permintaan bagi setiap barang itu.

K =

M =

N =

9. Pengeluar barang P, Q, R menurunkan harga barang.

Barang P

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)
50	40
40	70

Barang Q

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)
10	70
4	80

Barang R

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)
5	40
4	50

Berdasarkan jadual di atas jawab soalan berikut.

Hitung keanjalan harga permintaan apabila:

- a. harga barang P turun daripada RM 50 ke RM 40
- b. harga barang Q turun daripada RM 10 ke RM 4
- c. harga barang R turun daripada RM 5 ke RM 4

2.2 SOALAN OBJEKTIF

1. Pernyataan manakah yang **BETUL** mengenai permintaan ?

- A Keperluan yang mesti dipenuhi
- B Kehendak yang tidak terbatas
- C Keinginan yang mampu dimiliki
- D Minat terhadap sesuatu barang

2. Manakah yang menepati dengan hukum permintaan ?

	Harga Asal (RM)	Kuantiti Diminta Asal (Unit)	Harga Baharu (RM)	Kuantiti Diminta Baharu (Unit)
I	2	80	1	90
II	3	65	5	45
III	4	40	3	20
IV	6	50	7	100

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

3. Maklumat di bawah berkaitan dengan dua barang.

Apabila harga barang A turun, kuantiti diminta barang B akan bertambah

Antara yang berikut, yang manakah mungkin merupakan barang A dan barang B ?

- A Telefon pintar dan alat pengecas
- B Komputer peribadi dan jam tangan
- C Kopi dan teh
- D Beras dan garam





4. Maklumat di bawah berkaitan dengan minuman T.

Satu laporan saintifik menyatakan bahawa minuman T mempunyai kandungan gula yang tinggi sehingga boleh menjejaskan kesihatan. Secara tidak langsung, laporan tersebut telah menyebabkan permintaan terhadap minuman T berkurang.

Apakah faktor yang menjejaskan permintaan tersebut ?

- A Dasar kerajaan
- B Cita rasa
- C Musim
- D Fesyen

5. Rajah manakah yang menunjukkan kesan perubahan harga barang pengganti naik terhadap permintaan teh ?



6. Pembinaan laluan MRT dan LRT akan meningkatkan penggunaan pengangkutan kereta api di Lembah Klang. Apakah kesan peristiwa tersebut kepada perkhidmatan teksi ?

- A Kenaikan tambang teksi
- B Penurunan permintaan untuk perkhidmatan teksi
- C Peningkatan bilangan teksi di Lembah Klang
- D Peningkatan pendapatan untuk pemandu teksi


7. Pasangan manakah yang **BENAR** ?

	Perubahan Dalam Kuantiti Diminta	Perubahan Permintaan
A	Pergerakan titik di sepanjang keluk permintaan	Peralihan keluk permintaan ke kiri atau kanan
B	Melibatkan dua keluk permintaan	Melibatkan satu keluk permintaan
C	Apabila harga berubah, kuantiti diminta tetap	Apabila harga tetap, kuantiti diminta berubah
D	Penentu ialah dasar kerajaan	Penentu ialah harga barang itu

8. Penggunaan racun serangga yang berlebihan oleh pekebun sayur telah ...

- A mengurangkan permintaan sayur- sayuran
- B menambahkan permintaan sayur- sayuran
- C mengurangkan penawaran sayur- sayuran
- D menambahkan hasil pekebun sayur

9. Rajah di bawah menunjukkan keluk penawaran barang L.



Antara yang berikut, yang manakah merupakan ciri- ciri keluk penawaran barang L tersebut ?

- I Mempunyai kecerunan negatif
 - II Mencerun ke atas dari kiri ke kanan
 - III Hubungan langsung antara harga dan kuantiti ditawarkan
 - IV Semakin rendah harga barang L semakin tinggi kuantiti ditawarkan
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV


10. Apakah maksud penawaran pasaran ?

- A Kuantiti barang yang dikeluarkan oleh sebuah firma dalam pasaran
- B Kuantiti barang yang dikeluarkan oleh seseorang individu dalam pasaran
- C Kuantiti barang yang dikeluarkan oleh semua firma dalam pasaran pada suatu tingkat harga dalam tempoh masa tertentu
- D Kuantiti barang yang dikeluarkan oleh semua individu dalam pasaran pada suatu tingkat harga dalam tempoh masa tertentu

11. Faktor manakah yang mempengaruhi penawaran terhadap sesuatu telefon bimbit ?

- I Cita rasa
 - II Harga Faktor
 - III Tingkat teknologi
 - IV Pendapatan
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

12. Rajah di bawah berkaitan dengan keluaran stoking tempatan.



Mengapakah berlaku perubahan keluk S_0S_0 ke S_1S_1 ?

- A Daya pengeluaran meningkat
- B Cita rasa pengguna bertambah
- C Firma bermatlamat memaksimumkan untung
- D Lambakan barang import berlaku

13. Antara yang berikut, yang manakah meningkatkan penawaran kereta tempatan ?

- I Pengurangan cukai jualan
 - II Peningkatan teknologi pengeluaran
 - III Kenaikan harga besi keluli
 - IV Kenaikan harga petrol
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

14. Pernyataan di bawah berkaitan dengan suatu fenomena yang berlaku dalam ekonomi.

“ Kenaikan harga simen dan besi keluli dijangka akan berterusan meningkat dalam tempoh enam bulan yang akan datang.”kata Pengerusi Persatuan Perumahan Malaysia kepada pelabur hartanah

Apakah kesan fenomena tersebut kepada penawaran rumah kediaman tempatan ?

- A Permintaan terhadap rumah kediaman akan meningkat
- B Penawaran rumah kediaman akan bertambah
- C Harga rumah kediaman akan cenderung menurun
- D Harga rumah kediaman akan cenderung meningkat


15. Jadual di bawah ini menunjukkan penawaran barang S oleh dua buah firma.

Harga (RM)	Penawaran Barang S (unit)	
	Firma A	Firma B
15	35	25
20	40	30
25	45	40
30	50	50

Andaikan keseimbangan pasaran dicapai pada tingkat harga RM25 dan kuantiti 135 unit. Sekiranya terdapat tiga buah firma dalam pasaran, berapakah kuantiti penawaran barang S bagi firma ketiga ini ?

- A 220 unit
- B 85 unit
- C 50 unit
- D 5 unit

16. Rajah di bawah menunjukkan keseimbangan pasaran bagi suatu barang.



Pilih pernyataan yang **BENAR**.

- A Kuantiti keseimbangan berlaku pada Q_1
- B Harga tidak cenderung untuk berubah pada tingkat harga P_0
- C Wujud lebihan penawaran pada tingkat harga P_2
- D Wujud lebihan permintaan pada tingkat harga P_1

17. Jadual di bawah menunjukkan kuantiti ditawarkan dan kuantiti diminta bagi barang A pada pelbagai tingkat harga.

Harga (RM)	Kuantiti Diminta (unit)	Kuantiti Ditawar (unit)
15	330	150
20	300	165
25	270	180
30	250	250
35	140	320

Pernyataan manakah yang **BENAR** mengenai jadual di atas ?

- A Kuantiti keseimbangan pasaran adalah pada 270 unit
- B Harga keseimbangan pasaran adalah pada RM15
- C Lebihan penawaran sebanyak 180 unit berlaku pada tingkat harga RM35
- D Lebihan permintaan sebanyak 90 unit berlaku pada tingkat harga RM20

18. Jadual di bawah menunjukkan kuantiti baju yang diminta oleh tiga orang individu pada pelbagai tingkat harga.

Harga (RM)	Kuantiti Diminta (helai)		
	Siew Ling	Muthu	Ahmad
15	5	6	4
20	4	5	3
25	3	4	2
30	2	3	1

Jika kuantiti penawaran pasaran ialah 12 helai, berapakah harga keseimbangan pasaran ?

- A RM15
- B RM20
- C RM25
- D RM30

19. Lebihan permintaan menunjukkan keadaan ...

- A kestabilan harga yang menunjukkan permintaan melebihi penawaran.
- B kestabilan dan ketidakstabilan harga yang tidak dapat ditentukan.
- C ketidakstabilan harga yang menunjukkan permintaan melebihi penawaran.
- D ketidakstabilan harga yang menunjukkan penawaran melebihi permintaan.

20. Maklumat di bawah berkaitan dengan ketidakseimbangan.

Apabila kuantiti ditawarkan melebihi kuantiti diminta

Apakah yang akan berlaku kesan daripada ketidakseimbangan di atas?

- A Permintaan berkurang
- B Kekurangan barang
- C Harga cenderung turun
- D Harga cenderung naik

21. Maklumat di bawah berkaitan dengan suatu barang F.

<i>Keanjalan harga permintaan</i>	<i>0.63</i>
<i>Keanjalan harga penawaran</i>	<i>0.75</i>

Antara yang berikut, yang manakah merupakan barang F ?

- A Beras
- B Rantai
- C Kasut
- D Komputer riba

22. Apakah maksud yang ditunjukkan oleh tanda negatif pada keanjalan harga permintaan ?

- A Hubungan positif antara harga dengan kuantiti diminta
- B Hubungan langsung antara harga dengan kuantiti diminta
- C Hubungan mutlak antara harga dengan kuantiti diminta
- D Hubungan songsang antara harga dengan kuantiti diminta

23. Ciri manakah yang **BENAR** tentang keanjalan harga permintaan tak anjal ?

- A Pekali keanjalan permintaan lebih daripada satu
- B Kecerunan keluk permintaan adalah lebih curam
- C Pengeluar menurunkan harga barang untuk meningkatkan hasil jualan
- D Peratus perubahan kuantiti yang diminta lebih besar daripada peratus perubahan harga

24. Jadual di bawah menunjukkan harga dan kuantiti diminta buah mangga di pasaran.

Harga (RM)	Kuantiti Diminta (kg)
6	30
12	10

Berapakah nilai keanjalan harga permintaan apabila harga berubah dari RM6 ke RM12 ?

- A 1.50
- B 1.33
- C 0.75
- D 0.67

25. Jadual di bawah berkaitan dengan keanjalan harga permintaan bagi dua jenis barang.

Jenis Barang	% Perubahan Kuantiti Diminta	% Perubahan Harga
Barang X	50	30
Barang Y	20	40

Pernyataan manakah yang **BENAR** tentang jadual di atas ?

- A Barang X adalah barang tidak anjal
- B Contoh barang X ialah kereta mewah
- C Barang Y lebih responsif terhadap perubahan harga
- D Pekali keanjalan bagi Barang Y adalah lebih daripada satu

26. Pekali keanjalan harga permintaan barang K ialah 3. Takrifkan nilai barang K.


- A Harga turun 3%, kuantiti diminta meningkat 1%
- B Harga naik 1%, kuantiti diminta menurun lebih daripada 3%
- C Harga turun 3%, kuantiti diminta meningkat lebih daripada 1%
- D Harga naik 1%, kuantiti diminta menurun 3%

27. Konsep keanjalan harga permintaan penting untuk...

- A mengira kadar inflasi
- B mengira kadar pengangguran
- C mengenal pasti jenis kos pengeluaran firma
- D mengenal pasti corak perbelanjaan pengguna

28. Hasil jualan seseorang pengeluar akan meningkat dengan menaikkan harga barang keluarannya jika barang tersebut merupakan...
- A barang pertanian
 - B barang perkilangan
 - C barang kehendak
 - D barang keperluan
29. Penawaran biskut bertambah daripada 160 unit kepada 260 unit apabila harga biskut meningkat daripada RM1.50 kepada RM2.00. Berapakah nilai keanjalan harga penawaran untuk biskut tersebut ?
- A 1.88
 - B 1.54
 - C 0.87
 - D 0.53
30. Kuantiti penawaran kerepek ubi pada harga RM2 adalah sebanyak 200 bungkus. Nilai keanjalan harga penawaran kerepek ubi ialah 2.
- Berapakah kuantiti penawaran baharu bagi kerepek ubi jika harga meningkat sebanyak 30% ?
- A 230 unit
 - B 260 unit
 - C 320 unit
 - D 400 unit

31. Rajah di bawah menunjukkan keluk penawaran barang Y.



Cari nilai M jika keanjalan harga penawaran barang Y tersebut ialah 8 ?


- A 180 unit
- B 360 unit
- C 400 unit
- D 480 unit

32. Jika sesuatu barang mempunyai keanjalan harga penawaran anjal, maka barang tersebut mungkin...

- I dikeluarkan dalam jangka masa panjang
 - II dikeluarkan oleh sebuah firma sahaja dalam pasaran
 - III memerlukan faktor pengeluaran yang sukar diperolehi
 - IV boleh ditambahkan pengeluarannya dengan kos yang sedikit
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

33. Antara yang berikut, barang yang manakah mempunyai keanjalan harga penawaran anjal ?
- A Kelapa sawit
 - B Komputer
 - C Sayur kangkung
 - D Gula
34. Jika nilai pekali keanjalan harga penawaran bagi barang J adalah 2, kenaikan harga sebanyak 40% akan menyebabkan kuantiti ditawarkan...
- A turun sebanyak 20%
 - B turun sebanyak 80%
 - C naik sebanyak 20%
 - D naik sebanyak 80%
35. Antara yang berikut, manakah merupakan penentu keanjalan harga penawaran ?
- A Jenis barangan
 - B Tambahan kos
 - C Bilangan kegunaan
 - D Bilangan barang pengganti

36. Rajah di bawah menunjukkan keluk permintaan (DD) dan keluk penawaran (SS) bagi barang N.



Kawasan manakah yang mewakili jumlah subsidi kerajaan ?

- A ETQ_1Q_2
- B P_2P_3RT
- C P_1P_2TU
- D P_1P_3RU

Soalan 37 hingga Soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 37. I Penurunan dalam kuantiti ditawar adalah disebabkan oleh kenaikan harga barang itu.
- II Pengurangan penawaran adalah disebabkan oleh harga barang dijangka naik pada masa depan.

38. I Kecerunan keluk permintaan barang mewah adalah lebih landai.
- II Kecerunan keluk penawaran barang pertanian adalah lebih curam
39. I Keluk permintaan pasaran menunjukkan kuantiti diminta oleh semua individu dalam pasaran pada suatu tingkat harga tertentu.
- II Bentuk keluk permintaan pasaran adalah mencerun ke atas dari kiri ke kanan.
40. I Keanjalan harga penawaran adalah anjal apabila pekali keanjalan sama dengan dua.
- II Apabila harga meningkat satu peratus kuantiti ditawarkan turun dua peratus.

2.3 SOALAN BAHAGIAN A

1. Terangkan *ceteris paribus* dengan menggunakan contoh yang sesuai.

.....

[4 markah]

2. Jadual di bawah menunjukkan permintaan terhadap sayur sawi.

Harga (RM)	Kuantiti Diminta (ikat)	
	Aminah	Zaleha
2	18	17
4	15	10
6	8	7

Dengan menggunakan kertas graf, lukiskan keluk permintaan pasaran sayur sawi. [5 markah]


(Gunakan skala 2cm : RM 1 pada paksi harga dan 2cm : 5 ikat pada paksi kuantiti)

3. Bagaimana peningkatan dalam pendapatan individu membawa kesan kepada barang mesti dan barang bawahan ?

.....

[4 markah]

4. Rajah 1 dan Rajah 2 di bawah menunjukkan keluk permintaan barang L.



Bezakan perubahan titik F ke titik G dalam kedua- dua rajah di atas.

.....

.....

.....

.....

.....

[6 markah]

5. Jadual di bawah menunjukkan penawaran Firma X terhadap kasut sekolah.

Harga (RM)	Kuantiti (Pasang)
10	200
15	400
20	500

Dengan menggunakan kertas graf, lukiskan keluk penawaran kasut sekolah dan jelaskan pembentukan keluk tersebut. [7 markah]

(Gunakan skala 2cm : RM 5 pada paksi harga dan 2cm : 100 pasang pada paksi kuantiti)

.....

.....

.....

.....

.....

6. Jelaskan **tiga** faktor yang menyebabkan penawaran telefon pintar meningkat.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[6 markah]

7. Jadual di bawah menunjukkan kuantiti permintaan dan kuantiti penawaran barang M di pasaran.

Harga (RM)	Kuantiti (unit)	
	Permintaan Pasaran	Penawaran Pasaran
30	140	40
40	130	70
50	70	130

- (i) Dengan menggunakan kertas graf, lukiskan keluk keseimbangan

pasaran bagi barang M.

[5 markah]

(Gunakan skala 2cm : RM 10 pada paksi harga dan 2cm : 20 unit


pada paksi kuantiti)

(ii) Berdasarkan jawapan pada 7(i) di atas, tentukan harga keseimbangan dan kuantiti keseimbangan pasaran.

.....

[2 markah]

8. Rajah di bawah menunjukkan keluk keseimbangan pasaran ikan masin.



Terangkan keadaan keseimbangan pasaran ikan masin bagi titik- titik berikut :

(i) A

.....

(ii) E

.....

(iii) B

.....

[6 markah]

9. Berdasarkan pernyataan berikut, terangkan kesan terhadap pasaran rumah mampu milik.

(i) Bank telah menurunkan kadar faedah pinjaman dari 4.0% kepada 3.5%.

.....


[3 markah]

(ii) Terdapat kenaikan harga 30% bahan pembinaan rumah seperti simen.

.....

[3 markah]

10. Rajah di bawah menunjukkan keluk permintaan bagi barang K.



(i) Hitungkan keanjalan harga permintaan bagi barang K.

.....

[2 markah]

(ii) Jelaskan jenis keanjalan harga permintaan bagi barang **K**

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

11. Terangkan ciri- ciri keanjalan harga permintaan anjal dengan contoh barang yang sesuai.

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[5 markah]

12. Maklumat berikut mengenai dua jenis barang dalam pasaran.

Jenis Barang	Keanjalan Harga Permintaan
Barang V	2.1
Barang T	0.5

Terangkan strategi yang boleh diambil oleh firma untuk memaksimumkan keuntungan untuk barang V dan barang T.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[6 markah]

13. Jadual di bawah menunjukkan pekali keanjalan harga penawaran bagi dua jenis barang dalam pasaran.

Jenis Barang	Keanjalan Harga Penawaran
Barang U	0.6
Barang W	3.4

Barang yang manakah merupakan barang perkilangan ? Jelaskan.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

14. Jelaskan **lima** sebab mengapakah jagung mempunyai keanjalan harga penawaran kurang anjal.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[5 markah]

15. Terangkan penentu keanjalan harga penawaran bagi barang pertanian.

[4 markah]

.....

.....

.....

.....

.....

2.4 SOALAN BAHAGIAN B

1. Maklumat berikut berkaitan dengan perubahan daripada pemakaian kasut putih ke kasut hitam di sekolah pada tahun 2018.

PUTRAJAYA : Pemakaian kasut berwarna hitam oleh murid serta pelajar di semua sekolah kebangsaan dan sekolah bantuan kerajaan akan mula dikuatkuasakan sepenuhnya bermula 2021. Kementerian Pendidikan dalam kenyataannya berkata, keputusan itu diambil selepas pihaknya mengambil kira pandangan semua pihak berkepentingan. Sumber : <http://www.utusan.com>

- (a) Jelaskan hubungan antara kedua- dua barang tersebut ? [5 markah]
- (b) Terangkan faktor- faktor lain yang mempengaruhi permintaan terhadap kasut sekolah selain faktor permintaan di atas ? [6 markah]
- (c) Cadangkan cara- cara bagaimana menangani isu kenaikan harga kasut hitam pada tahun yang akan datang. [9 markah]
2. Petikan berikut berkaitan dengan suatu fenomena semula jadi.

PETALING JAYA: Panas terik El Nino dijangka akan menjejaskan pengeluaran makanan tempatan dengan petani di bahagian utara mengeluh mengenai hasil tuaian mereka mungkin akan berkurangan sebanyak 50%. Sumber : <http://www.mstar.com.my>

- (a) Jelaskan kesan situasi tersebut kepada petani ? [5 markah]
- (b) Lakarkan keluk yang menunjukkan perubahan penawaran terhadap padi tersebut. [6 markah]
- (c) Jika anda merupakan pegawai di Jabatan Pertanian, cadangkan bagaimana cara anda meningkatkan hasil pertanian ? [9 markah]

3. Maklumat berikut berkaitan dengan pasaran rumah

- 35 000 unit rumah yang bernilai RM 25.70 bilion tidak terjual setakat suku pertama tahun 2019.
- Hanya 20 ribu daripada 140 ribu unit mampu dijual.

(a) Mengapakah berlakunya situasi sedemikian [4 markah]

(b) Dengan bantuan rajah yang sesuai, jelaskan kesan ke atas pasaran rumah. [7 markah]

(c) Cadangkan tindakan yang boleh dibuat oleh pemaju perumahan untuk menyelesaikan masalah di atas. [9 markah]

4. Maklumat berikut berkaitan dengan pengenaan cukai ke atas pasaran rokok.

Kerajaan mengenakan cukai yang tinggi ke atas rokok. Namun, pengguna rokok tetap membeli walaupun cukai tinggi

(a) Jelaskan jenis keanjalan harga permintaan rokok tersebut. [4 markah]

(b) Jelaskan kesan ke atas pasaran rokok akibat tindakan kerajaan tersebut. [7 markah]

(c) Tindakan kerajaan tersebut lebih berkesan dalam pengurangan penghisap rokok daripada peningkatan hasil kerajaan. Bincangkan. [9 markah]

5. Maklumat berikut berkaitan dengan harga barang di Malaysia pada tahun 2018.

PUTRAJAYA : Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan Mewujudkan satu mekanisme untuk mengekalkan harga barang keperluan dan menguruskan keseimbangan antara penawaran dan permintaan dengan sistematik.

Selain itu, beliau berkata harga barang keperluan menjelang Hari Raya telah menurun berbanding tahun lepas. Harga ayam turun kepada RM5 – RM6 sekilo berbanding dengan lebih kurang RM7 tahun lepas. Manakala sayur- sayuran pula turun harga sebanyak 50% berbanding tahun lepas.

Sumber : <http://www.astroawani.com>

- (a) Jelaskan jenis keanjalan harga penawaran bagi ayam. [4 markah]
- (b) Mengapakah keanjalan harga penawaran bagi ayam adalah seperti di 5(a) di atas ? [7 markah]
- (c) Bagaimana penurunan harga ayam dan sayur memberi kesan kepada pengguna ? [9 markah]

Skema Pemarkahan

Pasaran

Bab Dua



SKEMA PEMARKAHAN 2.1 PENGUKUHAN KONSEP

1. Penentu permintaan m/s 56
 - **Harga barang itu**
 - **harga barang lain**
 - **citarasa**
 - **pendapatan**
 - **musim**
 - **jangkaan harga masa depan**
 - **dasar kerajaan**

2. Lengkapkan jadual berikut

Barang/ Perkhidmatan X	Barang/ Perkhidmatan Y	Harga X	Permintaan Y	Hubungan X dan Y
Kereta Honda	Kereta Toyota	Naik	bertambah	Pengganti/ positif
Panggilan Telefon	Telefon mudah alih	Turun	bertambah	Penggenap/ negatif
Kaca mata	Bingkai kaca	naik	Berkurang	Peggenap/ negatif
Grab	Perkhidmatan Teksi	mahal/ murah	bertambah/ berkurang	Pengganti/ positif

3. Berikan definisi penawaran m/s 64

Kuantiti sesuatu barang atau perkhidmatan yang sanggup dan mampu dikeluarkan oleh pengeluar atau firma pada suati tingkat harga tertentu dalam tempoh masa tertentu

4. Apakah hubungan harga dengan kuantiti ditawarkan? **Positif/ harga naik penawaran naik/sebaliknya**

5. Jadual di bawah ini menunjukkan penawaran pasaran bagi suatu barang. Lengkapkan.

Harga(RM)	Firma A	Firma B	Firma C	Penawaran Pasaran
10	230	160	220	X 610
20	350	190	Y 500	1040
30	440	Z 270	610	1320

6. Nyatakan 6 penentu bukan harga yang mempengaruhi penawaran m/s 71
 - **harga faktor pengeluaran**
 - **tingkat teknologi**
 - **matlamat pengeluar**
 - **dasar kerajaan**
 - **cuaca**
 - **jangkaan harga masa depan**


7. Jadual di bawah menunjukkan permintaan dan penawaran bagi Barang X

Harga	Kuantiti diminta	Kuantiti ditawarkan
1	20	6
2	16	9
3	12	12
4	8	15
5	4	18

d) Pada tingkat harga RM4, pasaran mengalami **lebih penawaran** sebanyak **7 unit**. Harga cenderung **turun**. Harga keseimbangan ialah **RM 3** dan kuantiti keseimbangan ialah **12 unit**.

e) Pada tingkat harga RM2, kuantiti diminta ialah **16 unit** dan kuantiti ditawarkan ialah **9 unit**. Pasaran mengalami ketidakstabilan pasaran yang dikenali sebagai **lebih permintaan** sebanyak **7 unit**.

8. Rajah di bawah ini menunjukkan keluk permintaan (DD) dan keluk penawaran (SS).



Terangkan keadaan pasaran pada titik yang berikut:

i E -

- Keseimbangan pasaran berlaku.
- Pada harga RM 20 dan kuantiti sebanyak 40 unit
- Permintaan dan penawaran adalah sama

ii MN-

- **lebih permintaan .**

- **Sebanyak 26 unit.**

- **Harga cenderung naik.**

- **Permintaan akan berkurang dan penawaran akan bertambah untuk capai keseimbangan.**

iii- FG-

- **Lebih penawaran.**

- **Sebanyak 23 unit.**


- **Harga cenderung turun.**

- **Penawaran akan kurang dan permintaan bertambah untuk capai keseimbangan pasaran.**

9. Lengkapi jadual di bawah ini.

Harga RM	Kuantiti (Unit)		Keadaan Pasaran	Kecenderungan harga
	Permintaan Pasaran	Penawaran Pasaran		
4	16	26	Lebih penawaran 10 unit	turun
3	20	20	Keseimbangan pasaran	Harga Seimbang
2	24	14	Lebih permintaan 10 unit	naik

10. Lengkapi Keluk Keseimbangan Pasaran



KEANJALAN HARGA

1. Maksud keanjalan harga permintaan **Mengukur peratus perubahan dalam kuantiti diminta akibat peratus perubahan harga barang itu denganandaian ceteris paribus. M/s 89**

2. Lengkapkan perbezaan permintaan anjal dan permintaan tak anjal

Permintaan anjal	Perbezaan	Permintaan Tak anjal
% Perubahan harga kurang daripada peratus perubahan kuantiti ditawarkan	Maksud	% Perubahan harga melebihi peratus perubahan kuantiti ditawarkan
$Ed > 1$	Nilai Pekali	$Ed < 1$
Landai	Bentuk Keluk	Curam
Keperluan	Jenis barang	Kehendak

3. Lengkapkan jadual di bawah ini.

% Perubahan Harga	% Perubahan Kuantiti diminta	Nilai Keanjalan Harga Permintaan	Jenis Keanjalan Permintaan
+10%	-15%	-1.5	Anjal
-20%	8%	-0.4	Tidak Anjal
15%	-24%	-1.6	Anjal

4. Perbezaan permintaan anjal dan permintaan tidak anjal

Permintaan Anjal	Penentu Keanjalan Permintaan	Permintaan Tidak anjal
Barang kehendak	Jenis barang	Barang keperluan
Banyak barang pengganti	Bilangan Barang Pengganti	Sukar cari barang pengganti
Perbelanjaan besar daripada pendapatan	Nisbah perbelanjaan dgn Pendapatan	Perbelanjaan kecil daripada pendapatan
Jangka panjang	Faktor jangka masa	Berlaku dalam jangka pendek
Mempunyai banyak bilangan kegunaan	Bilangan Kegunaan	Bilangan kegunaan terhad
Tidak membawa ketagihan	Ketagihan	Ketagihan berlaku
Barang Tahan Lama	Ketahanan Barang	Tidak tahan lama dan cepat rosak

5. Perbezaan Penentu Keanjalan Harga Penawaran

Penawaran Anjal	Aspek Perbezaan	Penawaran Tidak anjal
Jangka masa panjang	Jangka masa	Jangka masa pendek
Mudah ditukar ganti	Corak Penggunaan Faktor Pengeluaran	Sukar ditukar ganti
Kecil	Tambahan Kos	Besar
Mudah dipindah	Mobiliti Faktor Pengeluaran	Sukar dipindah
Banyak	Bilangan Firma	Sedikit
Banyak	Ketersediaan Stok	Sedikit
Barang Pembuatan	Jenis Barang	Barang pertanian

6. Perbezaan Pencukaian dengan Subsidi suatu barang di pasaran

Pencukaian	Perbezaan	Subsidi
Beralih ke kiri	Keluk Penawaran	Beralih ke kanan
Harga naik dan kuantiti berkurang	Harga & kuantiti Keseimbangan	Harga turun dan kuantiti bertambah
Hasil Bertambah	Kesan Terhadap Kerajaan	Perbelanjaan bertambah
Permintaan Anjal Beban pengguna kurang daripada firma	Beban/Faedah	Permintaan Anjal faedah pengguna kurang daripada firma
Permintaan Tidak anjal Beban pengguna lebih besar daripada firma		Permintaan Tidak Anjal Faedah pengguna lebih besar daripada firma

7. Lengkapkan jadual dibawah

Jenis barang / perkhidmatan	% Δ P	% Δ Q	Ed
Pengangkutan udara	12	60	W
Akhbar dan majalah	X	20	0.4
makanan	35	3.5	0.1
Menonton wayang	Z	52	3.2

i) $W = 60/12 = 5$ ii) $X = 20/0.4 = 50$ iii) $Y = 35 \times 0.1 = 3.5$

iv) $Z = 52/3.2 = 16.25$

8. Jadual menunjukkan kuantiti diminta dan harga bagi tiga jenis barang K, M & N.

Jenis Barang	Perubahan Kuantiti Diminta(%)	Perubahan Harga(%)
K	45	30
M	15	15
N	20	40

i) Hitungkan nilai keanjalan harga permintaan bagi setiap barang itu.

$$K = \frac{45}{30} = 1.5 \quad M = \frac{15}{15} = 1.0 \quad N = \frac{20}{40} = 0.5$$

9. Pengeluar barang P, Q, R menurunkan harga barang.

Barang P

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)
50	40
40	70

Barang Q

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)
10	70
4	80

Barang R

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)
5	40
4	50

i) Berdasarkan jadual di atas jawab soalan berikut. Hitung keanjalan harga permintaan apabila:

d. harga barang P turun daripada RM 50 ke RM 40

$$\frac{70-40}{40} \times 100 = \frac{75\%/20\%}{40-50/50} \times 100 \quad Ed = 3.75$$

